

14 MAY 2000

Umno-Hubungan

UMNO KUKUH JIKA PEMIMPIN DAN ANGGOTA RAPAT

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Usaha mendekatkan para pemimpin Umno dengan anggota di peringkat akar umbi akan dapat memperkukuhkan parti, kata Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Hj Muhammad Taib.

Beliau berkata langkah Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkunjung ke negeri-negeri bagi mendengar masalah parti akan mendorong para pemimpin lain untuk berbuat demikian.

"Kalau langkah ini sebagai ubat, ia adalah penawar yang mujarab bagi mendekatkan pemimpin dengan anggota Umno," katanya kepada BERNAMA hari ini.

Dalam ucapan penggulungannya pada Perhimpunan Agung Umno ke 54 semalam, Dr Mahathir berkata, amat penting sekali pemimpin parti turun ke bawah untuk berjumpa bukan sahaja anggota Umno biasa tetapi juga dengan orang ramai.

Muhammad berkata, walaupun kerajaan telah membawa banyak pembangunan, para pemimpin Umno masih perlu bertemu anggota di peringkat bawah untuk menerangkan agenda pembangunan negara ini.

"Dengan adanya "eye to eye contact" ia akan membawa kesan responsif rakyat terhadap usaha-usaha kerajaan," kata bekas Menteri Besar Selangor itu.

Sementara itu, Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam turut menyambut baik saranan Dr Mahathir agar para pemimpin parti lebih mendekatkan diri dengan anggota Umno yang lain.

Langkah itu pasti membolehkan para pemimpin memahami kehendak akar umbi, kata Mohd Ali yang mendapat undi tertinggi dalam perebutan kerusi Majlis Tertinggi (MT) Umno Khamis lepas.

Beliau berkata cadangan mengadakan mesyuarat MT di negeri-negeri merupakan satu langkah yang baik.

"Umno Melaka juga bersedia menjadi tuan rumah bagi mesyuarat ini," katanya.

-- BERNAMA

ZKS PR